
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PLG 558 – Isu-Isu Perkembangan Insan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **LIMA (5)** soalan. Jawab **Soalan 1** yang **DIWAJIBKAN** dan pilih **EMPAT (4)** soalan lain. Semua soalan diperuntukkan jumlah markah yang sama.

Soalan **WAJIB**.

1. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan kepada pembangunan insan yang seimbang daripada aspek-aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Namun demikian, aspek pengurusan emosi jarang diberi perhatian dalam proses pembelajaran formal pada hari ini. Bincangkan kesan yang tercetus hasil daripada kegagalan dalam pengurusan emosi dalam kalangan remaja.

(100 markah)

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

2. Piaget percaya bahawa pemikiran kanak-kanak berkembang dalam satu siri tahap yang kompleks dan setiap satu tahap berkait rapat antara satu sama lain. Berdasarkan tahap perkembangan kognitif, jelaskan bagaimana setiap tahap dapat memberi kesan ke atas pembelajaran kanak-kanak secara formal.

(100 markah)

3. Persahabatan merupakan satu hubungan informal antara dua orang kanak-kanak atau lebih dan hubungan ini dapat memberikan kesan ke atas emosi kanak-kanak.

Huraikan ciri utama dalam pemilihan dan pengaruh persahabatan ke atas kanak-kanak yang dapat memberikan kesan positif ke atas emosi kanak-kanak.

(100 markah)

4. Pembabitan remaja dalam kegiatan jenayah kini semakin berleluasa. Huraikan empat jenis tingkah laku delinkuen di kalangan para remaja hari ini dan jelaskan bagaimana tingkah laku delinkuen ini dapat dihubungkan dengan teori keperluan Maslow.

(100 markah)

5. James E. Marcia (1980) mendefinisikan identiti sebagai 'organisasi desakan, keupayaan, kepercayaan dan sejarah individu yang bersifat dalaman dan dibina sendiri. Berdasarkan teori Erikson, Marcia telah mengenal pasti empat keadaan identiti remaja.

Jelaskan **EMPAT (4)** identiti remaja tersebut dan cadangkan satu pendekatan kaunseling bagi meningkatkan kesedaran remaja dalam menangani permasalahan identiti.

(100 markah)

...3/-

6. Ginzberg seorang ahli teori yang menekankan corak pemilihan kerjaya yang selalu bertukar-tukar di peringkat awal dewasa. Secara analitikal nyatakan **EMPAT (4)** masalah yang dihadapi oleh individu di peringkat awal dewasa yang menyebabkan pertukaran kerjaya yang kerap dan cadangkan **SATU (1)** model kaunseling kerjaya bagi membantu individu di peringkat awal dewasa dalam menghadapi masalah pertukaran kerjaya.

(100 markah)

- ooo O ooo -